

Headline	Tongkat ali, orkid vanila di Pulau Sibü		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	28 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	47	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	770 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,181

Tongkat ali, orkid vanila di Pulau Sibü

Ditemui menerusi ekspedisi saintifik UMT, jadi tarikan baharu eko pelancongan

RAZIATUL HANUM A RAJAK

MERSING - Pulau Sibü ternyata kaya dengan pelbagai spesies hidupan yang boleh menjadi tarikan baharu bagi tujuan penyelidikan dan eko pelancongan seperti tongkat ali dan orkid vanila.

Pasukan penyelidik yang terlibat dalam Ekspedisi Saintifik Pulau Sibü selama tiga hari menemui pelbagai spesies tumbuhan, serangga dan haiwan baik di laut mahupun darat.

Ketua ekspedisi, Dr Jarina Mohd Jani dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, ekspedisi kali ini begitu menarik kerana ia dijalankan meliputi komponen laut dan darat bagi melihat jenis-jenis hidupan di kepulauan berkenaan.

"Kebiasaannya ekspedisi anjuran Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) ini tertumpu pada lautan, tapi kali ini buat pertama kali ia dijalankan dengan komponen daratan sekali.

"Kita ada pasukan penyelidik khusus untuk serangga, burung, tumbuh-tumbuhan dan haiwan liar. Kita ada juga pasukan untuk kajian hidupan di laut seperti kuda laut, spesies ikan, batu karang, rumput laut serta dugong," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui pada program Ekspedisi Saintifik Pulau Sibü baru-baru ini.

Menurut Dr Jarina, kajian itu dijalankan bagi mengetahui status biodiversiti di pulau itu selain mengesan sebarang masalah yang tim-



Kumpulan penyelidik diketuai Dr Jarina (empat, kiri) bersedia untuk meneroka kawasan kerengas terpencil di barat laut Pulau Sibü.

bul supaya pihaknya dapat membuat perancangan terbaik untuk masa akan datang.

"Bagi kami potensi di sini sangat baik kerana pulau ini walaupun kecil tapi macam-macam ada. Ini memang menarik. Tapi apabila penyelidikan dijalankan, perlu ada rancangan pengurusan.

"Kita perlu tahu apa yang ada tapi tak semestinya apa yang ada ini terus dikomersialkan. Tak boleh. Perlu ada pelan supaya ia dijalankan secara terurus," katanya.



Pensyarah Jabatan Sains Marin, Dr Zuhairi Ahmad (kiri) dan Penolong Pegawai Sains, Ahmad Faezal Ayob mengendalikan drone bagi mengesan dugong di kawasan kajian.

Manfaatkan ilmu berkaitan biodiversiti

Jika tongkat ali sukar ditemui di tempat lain, Dr Jarina memberitahu, di Pulau Sibü ia begitu mudah dan banyak ditemui sepanjang ekspedisi.

"Di tempat lain ada, cuma susah nak jumpa. Di sini sampai pelajar saya yang tak pernah tengok, boleh kenal spesies itu dalam sehari kerana dalam setiap langkah, mereka boleh nampak.

"Begitu juga orkid di mana banyak spesies orkid vanila di sini. Orang tahu vanila tapi ramai yang tak tahu vanila itu adalah orkid sebenarnya. Di sini ada banyak spesies," katanya yang turut teruja melihat kepelbagaian itu.

Melihat peluang untuk membantu sosioekonomi penduduk setempat, Dr Jarina berkata, ilmu pengetahuan berkaitan biodiversiti ini perlu diberikan kepada penduduk supaya mereka dapat me-

Orkid liar, *bulbophyllum patens* ditemui di Pulau Sibü.

INFO

● Ekspedisi melibatkan komponen darat dan laut.

● Tongkat ali paling mudah ditemui.

● Kesan dugong guna drone dan rakam keujudan beberapa kumpulan habitat haiwan ikonik itu.

manfaatkannya sebagai pemandu pelancong.

Selain itu, ada pasukan penyelidik yang menyelam bagi mengesan spesies hidupan di dasar laut dan saya sendiri berpeluang menyertai pasukan penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), diketuai Timbalan Dekan Fakulti Sains (Pascasiswazah dan Penyelidikan), Profesor Madya Dr Zaleha Kassim.

Pasukan penyelidik UIAM ini membuat pemerhatian mengesan dugong di kawasan sekitar habitat, menggunakan drone dan ternyata mereka berjaya merakam keujudan beberapa kumpulan haiwan ikonik itu.

Bukukan hasil kajian

Sementara itu, menurut Pengarah JTLM Negeri Johor, Mohd Nizam Ismail, hasil dapatan kajian itu bakal dibukukan dan diterjemahkan dalam bentuk yang menarik untuk tatapan umum.

"Biodiversiti di sini habitat yang perlu kita pelihara mungkin sebagai kawasan lapangan kajian bukan untuk dieksloitasi.

"Sekurang-kurangnya aktiviti di darat dapat mengurangkan tekanan pada terumbu karang di kepulauan kita," katanya.

Institusi terlibat termasuk UMT, UIAM, Universiti Malaya, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara serta Selamatkan Kuda Laut Kita dengan dibantu 10 pegawai JTLM dan tiga anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.



Dua penyelidik dari Universiti Malaya yang turun menyelam ke dasar laut lagi bagi mengesan spesies hidupan liar.